

Nurul Ain juara pertandingan karaoke irama 60-an

SH 20/07/08 Pg-T24

Penyertaan terbuka kepada semua kakitangan dan mahasiswa UMT yang berbakat dalam bidang nyanyian.

■ NORHAFIZA MUSA

PERTANDINGAN karaoke Terbuka Irama Lagu 60-an sempena Majlis Konvokesyen Kali ke-6 Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berlangsung di Dataran Canselor UMT.

Sesi pendaftaran bagi pertandingan karaoke ini bermula sejak awal pagi. Penyertaan terbuka kepada semua kakitangan dan mahasiswa UMT yang berbakat dalam bidang nyanyian.

Seramai 12 peserta mendaftarkan diri untuk menyertai pertandingan bagi memeriahkan majlis konvokesyen yang diadakan. Pihak penganjur menyediakan hadiah berupa RM150 untuk tempat pertama, RM100 kedua dan RM50 untuk tempat ketiga serta setiap peserta juga turut menerima jambangan bunga.

Tempat pertama pertandingan peserta berumur 22 tahun, Nurul Ain Razali yang baru selesai majlis konvokesyen dalam Ijazah Sains Samudera.

Ketika ditemui, dia menjelaskan pertandingan itu merupakan pertandingan terakhir yang disertainya di UMT kerana selepas ini dia tidak berpeluang kerana tempoh pengajiannya sudah tamat.

"Kami memang lahir dalam keluarga seni. Semua adik-beradik saya seramai empat orang memang sering menyertai pertandingan termasuk ayah," ujarnya.

Pada pertandingan itu, dia menyampaikan lagu 'Taman Firdausi' dan sebelum ini juga kerap mewakili UMT dalam pertandingan nyanyian.

Tempat kedua dimenangi Nurulhuda Razali, kembar kepada Nurul Ain, dia dengan mendendangkan lagu 'Malamku Bermimpi' yang didendangkan lagu dengan penghayatan tersendiri.

“ Kami memang lahir dalam keluarga seni. Semua adik-beradik saya seramai empat orang memang sering menyertai pertandingan termasuk ayah. ”

■ Nurul Ain Razali

NURUL AIN RAZALI



Tempat ketiga pula dimenangi salah seorang kakitangan UMT, Abas Ishak, 21, yang menyanyikan lagu 'Kisah dan Teladan' dengan baik tetapi terpaksa akur dengan keputusan pengadil apabila hanya berjaya menduduki tempat ketiga.

Persembahan peserta pada pertandingan tersebut dinilai pengadil pertandingan yang berpengalaman dan diberi tanggungjawab sebagai juri pertandingan sepanjang pertandingan nyanyian irama 60-an berlangsung.

Sambutan sungguh menggalakkan ditambah pula dengan peserta yang sungguh berbakat menceriaikan lagi majlis konvokesyen kali ini.

Selain itu, pihak UMT mengadakan pertandingan bagi membuka peluang kepada kakitangan dan mahasiswanya mencungkil dan mengasah bakat yang terpendam untuk diketengahkan melalui pertandingan itu.

